

## The Arch tarikan baharu pelancongan KL



**Fauzi Suhaimi**

27 April 2017 1:18 PM



KUALA LUMPUR 27 April - Projek The Arch khusus untuk perniagaan makanan dan minuman mampu menjadi tarikan baharu dalam industri pelancongan di ibu negara.

Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor berkata, pelaksanaan projek itu bakal dibangunkan bermula suku ketiga tahun ini dan dijangka siap penghujung tahun 2018.

"Projek ini dibangunkan oleh Focus Dynamics Technologies Berhad (Focus Dynamics) dalam usaha merancakkan industri pelancongan negara.

"Menerusi projek ini bakal menyediakan pelbagai jenis kedai makanan dan minuman, restoran masakan cina dan restoran makanan laut," katanya ketika berucap merasmikan majlis Pecah Tanah The Arch di sini hari ini.

Yang turut hadir Pengarah Eksekutif Focus Dynamics, Edward Leung. - UTUSAN ONLINE